

Portfolio khusus, dimensi baharu tadbir urus alam sekitar di Malaysia

PEMBENTUKAN portfolio khusus alam sekitar dalam senarai Kabinet baharu yang diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada awal Mac lepas, diharap dapat membawa dimensi baharu dan perubahan dalam tadbir urus alam sekitar di Malaysia.

Menyedari akan kepentingan kesepaduan sinergi alam sekitar dan air negara, mesyuarat jemaah menteri pada 1 April lepas bersetuju menjenamakan semula Kementerian Alam Sekitar sebagai Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Menterinya Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata kedua-dua fungsi ini diletakkan di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air bagi memantapkan ekosistem tadbir urus air negara, memastikan sumber dan bekalan air yang mencukupi dan berkekalan.

Portfolio baharu ini juga diharap tidak mengetepikan aspek perubahan iklim dan teknologi hijau sebagai sebahagian daripada dasar kerajaan menerusi polisi sedia ada agar ia dapat ditangani dengan bijak demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam.

Sebelum ini, portfolio alam sekitar terangkum di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim.

Kementerian Alam Sekitar dan Air yang diterajui Tuan Ibrahim perlu meneruskan agenda memperkasakan pemuliharaan alam sekitar melalui penambahbaikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) yang ketinggalan zaman dalam mengawal pencemaran secara lebih sistematis selain gagal mengekang jenayah alam sekitar dengan lebih berkesan.

Selain itu, sektor berkaitan seperti biodiversiti, konservasi hidupan liar dan terutamanya hutan yang bersifat sumber tidak boleh diperbaharui juga perlu diletakkan di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air supaya usaha pemuliharaan alam sekitar dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030.

Keberkesanan tadbir urus alam sekitar harus dipertingkatkan melalui pengukuhan dasar dan polisi alam sekitar sedia ada dengan memperkasakan pendekatan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) dan memperkukuhkan kerjasama antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Isu pembalakan hutan sebagai contoh, seringkali mendatangkan dilema antara hasil negeri atau kemampanan ekosistem.

Seterusnya aspek penyelarasan, pemantauan serta penilaian keberkesanan pelaksanaan sesuatu dasar dan program pemuliharaan alam sekitar, perlu diberikan tumpuan lebih menyeluruh agar ia bersifat keterangan bukti. Ringkasnya, agenda pemuliharaan alam sekitar memerlukan komitmen dan kesepaduan pelaksanaan merentas kementerian mahupun sempadan negeri serta pemantauan sehingga ke peringkat akar umbi.

Masalah pencemaran sungai, pembuangan sisa toksik secara haram, sisa plastik import, lambakan sisa elektronik atau sampah elektronik serta penambahbaikan prosedur Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) merupakan antara senarai panjang yang menunggu tindakan segera Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik sekali guna 2018-2030 perlu dikaji semula bagi meningkatkan sambutan pengguna dan industri agar lebih berimpak apabila dikuatkuasakan ke seluruh negara menjelang 2022.

Ironinya, beg plastik konvensional menyumbang kepada peningkatan jumlah sisa pepejal yang tinggi di Malaysia, namun pengurusan sisa pepejal ketika ini terletak di bawah portfolio Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Satu lagi aspek yang perlu dipandang serius dan disegerakan demi melindungi rakyat daripada impak negatif akibat aktiviti pembakaran terbuka dan perubahan iklim ialah merealisasikan penggubalan Rang Undang-Undang Pencemaran Merentasi Sempadan dan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim yang lebih inklusif.

Rang Undang-Undang Pencemaran Merentasi Sempadan ini penting sebagai suatu pendekatan dan penyelesaian tuntas isu jerebu di rantau ini manakala Rang Undang-Undang Perubahan Iklim sebagai persediaan negara memasuki era krisis iklim selain haruslah sesuai dengan acuan dan keupayaan Malaysia sebagai sebuah negara membangun.

• Di samping itu, sudah tiba masanya Dasar Alam Sekitar Negara 2002

ditambah baik dengan input terkini daripada semua pihak.

Ini memandangkan sebelum ini, inventori atau audit kebangsaan mengenai alam sekitar dan sumber asli di dalam dasar tersebut tidak berjaya dilaksanakan.

Lebih mengecewakan apabila saranan bagi menilai daya maju sesuatu projek pembangunan agar tidak hanya mengambil kira nilai ekonomi tanpa melihat impak atau faedah alam sekitar serta impak sosial, kurang mendapat perhatian pemaju perumahan terutamanya.

Selain itu, Dasar Perubahan Iklim 2009 juga memerlukan nafas baharu agar kekal relevan untuk diterima pakai sebagai panduan kepada agensi kerajaan, industri, komuniti serta pihak berkepentingan dalam menghadapi cabaran krisis iklim.

Amat mengecewakan kerana hasrat dasar tersebut untuk mewujudkan kriteria dan indeks bagi pertumbuhan sosioekonomi yang lestari tidak kesampaian walaupun masyarakat secara amnya sedang mengalami krisis alam sekitar.

Justeru, hasrat dasar tersebut perlu disambut dengan pengukuhan berterusan keupayaan serta langkah mitigasi yang terkini untuk meminimumkan impak perubahan iklim yang bakal dirasakan di Malaysia.

Pengumuman Tuan Ibrahim, yang mahu menjadikan usaha pemuliharaan sumber air, terutama sungai sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) beliau sebagai Menteri Alam Sekitar dan Air yang baharu adalah sesuatu yang amat dialu-alukan.

Namun, cabaran dan ujian pertama beliau hadir sebaik bergelar menteri, apabila empat Loji Rawatan Air Selangor (LRA) terpaksa memberhentikan operasi selama beberapa jam pada 17 Mac lepas, akibat pencemaran bau yang dikesan daripada sumber air Sungai Selangor.

Sebagai tindakan susulan, Jabatan Alam Sekitar Selangor pada 19 Mac lalu, mengeluarkan 30 kompaun dengan nilai keseluruhan RM60,000 kepada pemilik premis yang menyebabkan pencemaran

hingga mengakibatkan gangguan air tidak berjadual.

Walaupun tindakan pantas mengenakan kompaun patut dipuji, namun JAS tidak harus berhenti setakat itu. Tambahan pula nilai kompaun ternyata amat rendah berbanding impak yang dialami oleh jutaan pengguna air di Lembah Klang.

Seterusnya, pendekatan proaktif yang lebih keras diperlukan untuk memastikan setiap kes pencemaran dapat disabitkan ke mahkamah.

Oleh sebab itu, integrasi sektor bekalan air serta agensi seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air diharap memberi sinar baharu dalam menangani isu pencemaran air.

Selain itu, agensi kerajaan negeri seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) turut sama memikul tanggungjawab.

Sehubungan itu, tanda aras bagi pemuliharaan alam sekitar perlu bersandar kepada 17 sasaran dalam Matlamat Pembangunan Lestari 2030 selaras dengan hasrat Malaysia ke arah pembangunan lestari berlandaskan kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kebajikan masyarakat serta perlindungan dan keutuhan alam sekitar.

Prestasi Malaysia bagi mencapai matlamat itu seharusnya dipantau melalui pemerksaan Majlis Kualiti Alam Sekitar seperti dinyatakan dalam seksyen 4 di bawah AKAS 1974.

Ini boleh dilaksanakan dengan penambahan ahli bagi mewakili golongan Orang Asal serta kerajaan negeri bagi memastikan agar tadbir urus alam sekitar di negara ini lebih berfokus, terangkum dan mengambil kira aspek tadbir urus negara.

Kerajaan negeri mungkin mempunyai kuasa dalam hal berkaitan tanah, namun menghadapi kekangan dalam aspek tenaga pakar dan dana yang semakin menyusut berbanding sumber yang dimiliki oleh kerajaan Persekutuan.

Episod pencemaran di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor misalnya, jelas

menunjukkan betapa wujud saling bergantung antara kerajaan negeri dengan agensi Persekutuan di samping keperluan untuk meningkatkan keupayaan untuk mencegah insiden pencemaran sungai daripada berulang.

Peningkatan keupayaan sistem amaran awal pencemaran terutamanya dan kapasiti penguatkuasaan melalui penggunaan dron, analisa data raya dan forensik alam sekitar amat diperlukan.

Sehubungan itu, tidak keterlaluan untuk penulis mencadangkan agar strategi serangan ke atas suspek-penjenayah alam sekitar diguna pakai sebagai melengkapi elemen pematuhan sendiri yang dilaksanakan oleh JAS terhadap pihak industri.

Pemerksaan forensik alam sekitar menerusi perkongsian dana kementerian-universiti dan teknologi baharu serta analitis data raya yang bertujuan meningkatkan potensi kes kesalahan alam sekitar dibawa ke mahkamah amat diharapkan, terutamanya bagi mempercepatkan pengecaman bahan bukti pencemaran dan seterusnya sabitan kesalahan.

Selari masalah isu pencemaran global, bahan cemar generasi baharu seperti mikro plastik dan bahan-bahan kimia pengganggu endokrin perlu mula dipantau JAS.

Justeru, warga kerja JAS perlu menguasai teknologi baharu antaranya blok rantai, sensor pintar dan teknologi kecerdasan buatan. Pada masa sama, JAS juga perlu memperkasakan kerjasama dengan pihak universiti khususnya dalam bidang forensik alam sekitar melalui perkongsian dana dan sumber.

Untuk impak yang lebih meluas, kepada masyarakat, hebahan menerusi media sosial tentang sabitan kes jenayah alam sekitar dan bukan sekadar pelaporan aktiviti JAS mengambil sampel selepas laporan insiden oleh orang awam wajar ditekankan sesuai dengan kedudukan bidang kesihatan awam sebagai teras keutamaan negara.

Penulis, Dr Mohd Yusoff Ishak adalah Pensyarah Kanan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia.